

Pemotongan gas ke Eropah jejas harapan pulih ekonomi

Kos tenaga meningkat, ancaman kebuluran akibat konflik

Kyiv: Russia akan memotong bekalan gas ke Eropah sekali lagi sebagai tamparan kepada negara yang menyokong Ukraine tatkala terdapat harapan bahawa tekanan ekonomi boleh mereda minggu ini dengan penyambungan semula eksport bijirin Laut Hitam.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berkata, kapal pertama membawa bijirin dari Ukraine mungkin berlayar dalam beberapa hari lagi di bawah perjanjian yang dipersetujui Jumaat lalu, walaupun berlaku serangan udara Russia ke atas pelabuhan Ukraine, Odesa hujung minggu lalu.

Kos tenaga yang melambung tinggi dan ancaman kebuluran yang dihadapi oleh berjuta-juta negara miskin menunjukkan bagai-



Pasukan penyelamat membantu membersihkan kesan runtuhan bangunan kebudayaan yang rosak akibat serangan di Chuhuiv, Ukraine.

(Foto EPA)

mana konflik terbesar di Eropah sejak Perang Dunia II, kini dalam bulan keenam, memberi kesan, walaupun terhadap negara yang jauh dari Ukraine.

Jumaat lalu, pegawai dari Russia, Turki, Ukraine dan PBB juga bersetuju tidak akan ada serangan ke atas kapal dagang yang bergerak melalui Laut Hitam ke Selat

Bosphorus Turki dan ke-pasaran.

Ragu tindakan Russia

Rumah Putih berkata, tindakan Russia itu menimbulkan keraguan terhadap kredibiliti dan menilai dengan teliti untuk melihat sama ada komitmen akan dipenuhi.

“Kami juga akan terus aktif

meneroka pilihan lain dengan masyarakat antarabangsa untuk meningkatkan eksport Ukraine melalui laluan darat,” katanya.

Seorang pegawai kerajaan Ukraine berkata, beliau berharap penghantaran bijirin pertama boleh dibuat dari Chornomorsk minggu ini, dengan penghantaran dari pelabuhan

lain dalam masa dua minggu.

Perdagangan disambung semula

Presiden Ukraine, Volodymyr Zelensky bertegas bahawa perdagangan akan disambung semula dengan kerjasama rakan kongsi untuk menjaga keselamatan.

Sementara itu, Menteri Luar Russia, Sergei Lavrov, dalam lawatan ke negara-negara Afrika, berkata tiada halangan kepada eksport bijirin dan tiada dalam perjanjian itu menghalang Moscow daripada menyerang infrastruktur ketenteraan.

Kremlin juga berkata, PBB mesti memastikan sekatan ke atas baja Russia dan eksport lain ditarik balik agar perjanjian bijirin itu berfungsi.

Presiden Vladimir Putin awal bulan ini memberi amaran kepada Barat bahawa sekatan berisiko mencetuskan kenaikan harga tenaga global yang besar.

Memetik arahan daripada badan pemerhati industri, gergasi tenaga Russia, Gazprom semalam berkata, gas mengalir ke Jerman melalui saluran paip Nord Stream 1 akan berkurang kepada 33 juta meter padu sehari mulai esok. REUTERS